Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Pending, kelayakan akademik yang dimiliki oleh Wong Ngie Ing iaitu *Bachelor of Computing (University of Tasmania)* dan *Master of Engineering (Geometrics) (University of Melbourne)* tidak memenuhi akreditasi untuk tujuan pendaftaran sebagai graduan juruukur tanah dengan Lembaga Juruukur Tanah Sarawak (LJTS). Ijazah tersebut juga tidak memenuhi akreditasi oleh Lembaga Juruukur Tanah Malaysia dan juga Lembaga Juruukur Tanah Singapura untuk tujuan yang sama. Encik Wong Ngie Ing telah dimaklumkan berkaitan dengan perkara ini melalui surat daripada LJTS bertarikh 1 Ogos 2017.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tellian, isu berkenaan pembinaan rumah di atas tanah Kerajaan termasuk rizab jalan Jalan Matadeng/Selangau telahpun diambil maklum oleh Jabatan Tanah dan Survei. Siasatan lapangan bagi mengenal pasti kedudukan

sebenarnya bangunan telah dimulakan sejak 3 Oktober 2017 yang lalu. Tindakan lanjut hanya akan dapat dibuat setelah laporan lengkap mengenai perkara ini diperolehi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Opar, melalui Program Pengukuran Tanah NCR Inisiatif Baharu, sebanyak 20 kawasan di dalam DUN Opar seluas 22,398 hektar telah diukur perimeter di bawah Peringkat Pertama program ini termasuk kawasan Kampung Temaga Dayak. Daripada jumlah ini, 16 kawasan seluas 20,731 hektar telah diwartakan sebagai Rizab Komunal Bumiputera (Pertanian) di bawah Seksyen 6 Kanun Tanah Negeri (KTN). Melalui Peringkat Kedua program ini pula, tujuh (7) kawasan telah diluluskan untuk diukur lot individu dan setakat ini 305 lot telah diukur lot individu dan dikeluarkan surat hak milik di bawah Seksyen 18 KTN.

Melalui Program Pengukuran Kampung Tradisional pula, setakat ini pengukuran di lapangan bagi Kampung Jugan telah disiapkan dan surat hak milik Seksyen 18 Kanun Tanah Negeri bagi kampung ini akan dikeluarkan dalam tahun 2018. Jabatan Tanah dan Survei telah menerima 19 permohonan lain yang kini sedang dalam semakan sebelum dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tamin, rekod-rekod pemilik individu bagi peserta dalam projek *NCL Development* diselenggara oleh PELITA sebagai ejen pengurusan. Setelah tamat tempoh perjanjian pembangunan tersebut, surat hak milik tanah individu akan dikeluarkan kepada peserta projek tersebut berdasarkan rekod sedia ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tasik Biru, terdapat Skim Penempatan Semula di kawasan Bau yang dikenali sebagai Skim Penempatan Semula Bau Fasa Satu (1). Prasarana asas bagi Skim ini telahpun disiapkan untuk skim ini yang menyediakan sebanyak 163 lot kediaman. Proses pengagihan lot-lot tersebut akan dilaksanakan pada awal tahun 2018 sebaik sahaja pengukuran lot individu dimuktamadkan. Manakala cadangan pelaksanaan kerja prasarana bagi Skim Penempatan Semula Bau Fasa Dua (2) telah dimasukkan ke dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan. Skim ini akan menyediakan 209 lot kediaman. Untuk Skim Pembesaran Kampung (SPK) Buso pula, permohonan untuk mewujudkan Skim ini telah diterima dan dalam proses semakan Jabatan Tanah dan Survei sebelum dikemukakan kepada pihak Kerajaan untuk dipertimbangkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kabong, Kerajaan mempunyai program Skim Penempatan Semula dan Skim Pembesaran Kampung bagi menyediakan lot kediaman khususnya untuk menampung keperluan penduduk setempat. Walau bagaimanapun, skim ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat berdasarkan perancangan dengan mengambil kira keperluan dan permintaan di kawasan berkenaan. Dalam hal ini, skim-skim Pembesaran Kampung (SPK) yang telah dicadangkan di kawasan DUN Kabong ialah SPK Hulu Kabong, SPK Nyabor, SPK Sessang, SPK Empelam dan SPK Gerigat untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 namun telah tidak diluluskan. Oleh itu, menyedari keperluan untuk menangani masalah kepadatan penduduk di Kampung Kabong, pihak Kementerian telah mengemukakan semula cadangan tersebut untuk dipertimbangkan di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tellian, kerja pembinaan prasarana untuk Skim Pembesaran Kampung Tellian Fasa 1 telah bermula dan dijangka siap pada pertengahan Jun 2018. Kemajuan sebenar pembinaan prasarana setakat ini adalah sebanyak 43% dan ianya mendahului jadual sebanyak 13.65%. Skop kerja-kerja yang dijalankan melibatkan pembinaan jalan gravel, pembinaan parit, struktur pembetung dan pemasangan sistem retikulasi air. Kerja-kerja penimbunan lot-lot tidak termasuk dalam skop penyediaan Skim Pembesaran Kampung Tellian.

Manakala bagi perkara yang melibatkan tapak pelupusan sampah Mukah, tapak tersebut telahpun diluluskan oleh Majlis Perancangan Negeri dan dimaklumkan kepada Majlis Daerah Dalat dan Mukah pada 4 Ogos 2015. Tapak yang diluluskan adalah melibatkan tanah yang pada masa ini dimiliki oleh *Sarawak Plantation Agriculture Development Sendirian Berhad* (SPAD) dan bukannya lagi tanah milik Lembaga Amanah Masjid. Majlis Perancangan Negeri juga mengarahkan Majlis Daerah Dalat dan Mukah untuk menentukan jajaran jalan menghubungkan jalan utama Mukah – Selangau ke tapak tersebut. Maklumat ini perlu dikemukakan kepada Jabatan Tanah dan Survei sebelum pengukuran jalan dan pengambilan balik tanah dilaksanakan jika perlu. Setakat ini, JTS belum menerima pelan jajaran muktamad daripada Majlis Daerah Dalat dan Mukah (MDDM).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Padungan, kesemua 76 lot yang diberimilik kepada LCDA telah diluluskan pada tahun 2010 yang terletak di dalam sempadan kawasan projek Pembangunan Tanah *NCR Development* Lubok Nibong-Sebatang-Dabai-Pasir Puteh di Miri. Lot-lot tersebut dikeluarkan dengan surat hak milik sementara pada tahun 2016 dan hanya melibatkan tanah Kerajaan di dalam kawasan *NCL Development* tersebut dan bukannya tanah NCR. Pemberimilikan ini bagi menyokong polisi sedia ada, melibatkan *NCL Development* di mana tanah-tanah yang tertakluk kepada tuntutan NCR di dalam kawasan tersebut masih lagi kekal milik penuntut tanah NCR yang juga turut menjadi peserta di dalam projek ini. Lebih-lebih lagi LCDA sebagai sebuah badan berkanun negeri berperanan sebagai ejen pengurusan kepada pembangunan tanah NCR dalam projek tersebut.

Sebagaimana Seksyen 9 LCDA Ordinance 1981, *I quote inter alia*:

The objects and functions of the Authority shall be –

- a. *to formulate and carry out in any area which has been declared to be a Development Area under section 11 projects and schemes for –*
 - i. *development, redevelopment, settlement and resettlement of land;*
 - ii. *economic and social development; and*
 - iii. *residential, commercial, agricultural and industrial development.*

Pemberimilikan ini tidak bercanggah dengan Seksyen 9 LCDA Ordinance 1981 dan ianya juga dibuat berdasarkan dengan peruntukan Seksyen 13 Kanun Tanah Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Balingian, Kerajaan telah ...*(Interruption)*

Tuan Speaker: Honorable Minister, you take clarification?

Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli II (Y.B. Datuk Amar Haji Awang Tengah Bin Ali Hasan): Yes.

Y.B. Encik Wong King Wei: Thank you, Tuan Speaker. Thank you, Honorable Minister for the reply on LCDA. LCDA a statutory body alienated with 18,000 acres of land and this will be opening up to corruption, chances. Why I say this because the land suppose to belong to the wealth of the people at large of Sarawak. Once it has been alienated to statutory body, the statutory body, the person in charge, the management has a greater power, has a very big power to alienate or to give away the land and sell off to another person. This is opening up a chance for corruption how the government is going to take measures as to ensure that this will not happen. Thank you.

Tuan Speaker: I think the Minister has replied that giving the land to LCDA does not violate Section 9 of the ordinance.

Y.B. Encik Wong King Wei: Tuan Speaker, it's not about the law, it's about the policy of the Government to fight against corruption and to uphold integrity of the management, administration. It's nothing about the law. The sections 9 of the act, of the Ordinance only provide LCDA to facilitate the development. It does not provide LCDA to hold the land in such a big portion or does not encourage LCDA to get the land, big portion of land. 18,000 acres, is not one or two acres. This is something serious. Minister has to look at it of how to control, how to monitor that LCDA will not be, the power given to LCDA will not be abused.

Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli II (Y.B. Datuk Amar Haji Awang Tengah Bin Ali Hasan): Tuan Speaker, Honorable Member for Padungan failed to point out which section of the LCDA Ordinance that prohibits the government to alienate land to LCDA and under Section 13 of the Land Code, it is very obvious that the Government can alienate any land to anybody or any Government agencies. Now in this case the State land is located within the big area for NCL development. NCL land within that area is about 15,000 hectares and within that big area there is a pocket of State land. In order to ensure the smooth implementation of NCR development, the pocket of State land within that area was decided to be given to LCDA. LCDA is also the managing agent for the NCL development. That is the rational, unless you have evidence that there are corrupt practices. Then you have to substantiate. This is a very serious allegation. You have to substantiate.

Tuan Speaker: Proceed. Proceed. ...*(Inaudible)*

Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli II (Y.B. Datuk Amar Haji Awang Tengah Bin Ali Hasan): Yah, you have to substantiate... *Inaudible*... No, you are alleging.

Tuan Speaker: Proceed. Proceed. Now sit down, sit down.

Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli II (Y.B. Datuk Amar Haji Awang Tengah Bin Ali Hasan): *Where am I now?* Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Jemoreng. *We finish with that okay.* Kerajaan telah melaksanakan dua (2) Skim Penempatan Semula (SPS) dan enam (6) Skim Pembesaran Kampung (SPK) di DUN Jemoreng yang menyediakan 1,180 lot kediaman. Daripada jumlah tersebut, 614 lot telah siap diukur dan disediakan infrastruktur, manakala sebanyak 566 lot sedang dalam proses pengukuran dan penyediaan infrastruktur asas. Bagi lot-lot yang telah siap diukur tersebut, sebanyak 236 lot telahpun diagihkan. Baki sebanyak 378 lot akan diagihkan secara berperingkat-peringkat mulai awal tahun 2018 kepada pemohon-pemohon yang layak.

Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tupong, surat hak milik strata hanya akan dapat dikeluarkan setelah pemaju memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan di bawah *Strata Titles Ordinance 1995*. Maka jika sekiranya kriteria-kriteria ini dipenuhi Jabatan Tanah Dan Survei akan mengeluarkan surat hak milik Strata.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Murum, Kerajaan dalam proses memuktamadkan permohonan-permohonan berikut:

- i. Permohonan menukar status pemilikan lot-lot pertanian dan kediaman di Skim Penempatan Semula Sungai Asap Bakun daripada Seksyen 13 kepada Seksyen 18 Kanun Tanah Negeri.
- ii. Permohonan untuk pengecualian premium tanah bagi lot-lot pertanian dan kediaman juga sedang dikaji sebelum sebarang keputusan dapat dibuat.

- iii. Permohonan untuk pemulangan balik premium yang telah dibayar bagi 1,178 lot kediaman dan pertanian.

Isu-isu yang berkaitan dengan permohonan tersebut perlu diperhalusi dengan terperinci memandangkan ianya memberi impak besar terhadap sistem pentadbiran tanah Negeri.

Sementara bagi tanah tambahan yang berkeluasan 6,400 ekar pula telah pun dikenal pasti dan ianya melibatkan tanah berhak milik. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri belum menerima peruntukan berjumlah RM77.7 juta daripada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan pengambilan balik tanah sebelum ia dapat diagihkan kepada penduduk-penduduk yang terlibat.

Berhubung dengan isu Skim Penempatan Semula Murum pula, pengukuran lot kediaman, *home garden* dan pertanian di kawasan Metalun telahpun disiapkan manakala pengukuran di kawasan Tegulang bagi tujuan yang sama tidak dapat diteruskan memandangkan terdapat bantahan di lapangan. Bagi lot-lot yang telah siap diukur, surat hak milik tanah belum dapat dikeluarkan sehingga rayuan penduduk-penduduk yang terlibat bagi pengecualian bayaran premium tanah dapat diputuskan oleh Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Serembu, pemegang pajakan melombong (*mining lease*) boleh mengemukakan permohonan pembaharuan pajakan melombong tersebut setelah tempohnya tamat. Walau bagaimanapun, sebelum keputusan dibuat ke atas mana-mana permohonan, pertimbangan akan diberikan dengan mengambil kira kepentingan dan faedah dari segi pembangunan ekonomi, sosial, keselamatan serta kelestarian alam sekitar.

Bagi isu berkaitan dengan kerosakan jalan yang dikaitkan dengan aktiviti pengkuarian, ianya tertakluk kepada *Weight Restriction Order 1989 of Road Transport Act 1987* yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Saribas, Pelan Struktur Debak telah diluluskan oleh Majlis Perancangan Negeri pada Julai 2013. Pelan ini meliputi penyediaan kawasan perumahan, komersial, industri desa, stadium mini, dewan komuniti ataupun dewan serbaguna, pembesaran pekan, pembesaran kampung, taman/kawasan lapang dan kawasan untuk "*river rehabilitation programme*" termasuk pembangunan "*waterfront*". Pelaksanaan pembangunan di tapak tersebut tertakluk kepada kelulusan peruntukan dan perancangan oleh agensi-agensinya yang berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Saribas juga, Kerajaan telah meluluskan Skim Pembesaran Kampung Sebemban dan Skim Pembesaran Kampung Bungin untuk dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Bagi SPK Sebemban, pembinaan infrastruktur asas dengan nilai RM2.1 juta sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada Oktober 2018. Manakala bagi SPK Kampung Bungin, kerja-kerja pembinaan infrastruktur asas dirancang untuk ditender pada awal 2018.

Pihak Jabatan Tanah dan Survei juga telah mencadangkan Skim Pembesaran Kampung Debak bagi menampung keperluan penduduk Kampung Debak Melayu di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Ngemah, setakat ini, Jabatan Tanah dan Survei telah menerima sebanyak 25 permohonan untuk pengukuran perimeter di bawah Peringkat Pertama Program Pengukuran Tanah NCR Inisiatif Baharu di dalam kawasan

DUN Ngemah. Daripada jumlah tersebut, 19 kawasan berkeluasan lebih kurang 43,102 hektar telah siap diukur. Manakala empat (4) lagi berkeluasan lebih kurang 7,119 hektar akan diukur dalam masa terdekat. Permohonan bagi pengukuran di dua (2) kawasan lagi bertindih dengan permohonan yang telah diluluskan.

Setakat ini, sebanyak empat (4) kawasan berkeluasan lebih kurang 9,267 hektar telah diwartakan sebagai Rizab Komunal Bumiputera (Pertanian) di bawah Seksyen 6 Kanun Tanah Negeri di kawasan DUN Ngemah.

Bagi pengukuran individu Peringkat Kedua, para penuntut tanah perlu mengemukakan permohonan kepada Jabatan Tanah dan Survei. Ini adalah bagi membuktikan mereka bersedia untuk hadir semasa pengukuran dijalankan dan telah mengenal pasti sempadan tanah yang dituntut serta bebas dari sebarang pertikaian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Batu Danau, di bawah Peringkat Pertama Program Pengukuran Tanah NCR Inisiatif Baharu, setakat ini sebanyak 23 permohonan pengukuran perimeter tanah NCR di dalam DUN Batu Danau telah diluluskan melibatkan kawasan seluas 17,969 hektar. Daripada jumlah ini, sebanyak 18 kawasan seluas lebih kurang 8,945 hektar telah selesai diukur perimeter di mana 17 daripadanya yang berkeluasan 7,465 hektar telah diwartakan sebagai Rizab Komunal Bumiputera (Pertanian) di bawah Seksyen 6 Kanun Tanah Negeri (KTN).

Bagi lima (5) kawasan lagi yang berkeluasan 9,024 hektar, pengukuran di lapangan tidak dapat dilaksanakan memandangkan satu (1) kawasan terlibat dengan isu sempadan antarabangsa, dua (2) terlibat dengan pertindihan tuntutan antara komuniti, satu (1) terlibat dengan kes mahkamah dan satu (1) lagi terlibat dengan bantahan penduduk di lapangan.

Di bawah Peringkat Kedua program ini pula, sebanyak enam (6) kawasan seluas 1,853 hektar telah diluluskan untuk diukur lot individu yang mana setakat ini 300 lot telah siap diukur dan akan dikeluarkan dengan surat hak milik tanah di bawah Seksyen 18 Kanun Tanah Negeri. Cadangan Ahli Yang Berhormat untuk memberi fokus dan keutamaan terhadap kerja pengukuran bagi kawasan yang tiada masalah di lapangan sememangnya telah menjadi amalan Jabatan Tanah dan Survei semenjak program ini diperkenalkan.

Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kalaka, Skim Pembesaran Kampung Kupang yang terletak tidak jauh dari pekan Saratok yang pada asalnya dirancang untuk menyediakan 525 lot kediaman telah berkurangan kepada 507 lot disebabkan sebahagian daripada kawasan tersebut terlibat dengan pembinaan *bund*. Cadangan untuk pembinaan infrastruktur asas bagi Fasa 1 yang menyediakan 134 lot kediaman telah dikemukakan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Begunan, Jabatan Tanah dan Survei telah mencadangkan pelaksanaan Skim Pembesaran Kampung Melugu di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Padungan, pemberimilikan Lot 1 *Silat Land District* berkeluasan 2,540 hektar adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i) 1,000 hektar daripada kawasan tersebut disyaratkan untuk diserahkan kepada *Penan-Murum Charitable Trust* setelah dibangunkan;
- ii) 76 hektar diberimilikan sebagai *Payment in Kind* untuk gantian tanah milik syarikat yang terlibat dengan projek Kerajaan di Metalun; dan

- iii) Baki 1,424 hektar dikenakan premium pemberimilikan pada kadar biasa iaitu pada RM300.00 seekar.

Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan premium yang dikenakan bagi pemberimilikan Lot 1 Silat Land District adalah RM1,055,184.00 iaitu tidak mengambilkira keluasan yang akan diserahkan kepada *Penan-Murum Charitable Trust* dan *Payment in Kind* untuk gantian tanah milik syarikat yang terlibat dengan projek Kerajaan di Metalun. Sehubungan itu, tuduhan yang mengatakan bahawa premium yang dikenakan pada kadar RM168.00 seekar adalah tidak berasas.

Y.B. Encik Wong King Wei: Thank you, Tuan Speaker. Thank you, Honourable Minister. RM300 ringgit per acres is still way below market value, number one. Number two, is it the policy of the State Government to distribute the wealth of the State to make the rich richer and the poor poorer? NCR land owners has not been given such a privilege to be alienated with such a huge piece of land but Tanar Sinar Sdn Bhd owned by the super rich tycoon of Sarawak Tan Sri Datuk Lim Chong Ho has this privilege. How is the Government going to explain this? And in total it is a fact that it is 168 per acres; in Chinese 168 is a very good number. It means *ee liew pak*. You can prosper all the wealth by only this Government, this company, can covers all the wealth but not the Sarawakians particularly Dayaks.

Timbalan Ketua Menteri, Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli II (Y.B. Datuk Amar Haji Awang Tengah Bin Ali Hasan): Allright, okay.

Tuan Speaker: What is your basis on market price?

Y.B. Encik Wong King Wei: 168 it means

Tuan Speaker: What is the basis of your market price?

Y.B. Encik Wong King Wei: Sorry?

Tuan Speaker: You said this is the market price. What is your basis?

Y.B. Encik Wong King Wei: The market price of course is more than that.

Tuan Speaker: No. What is your basis?

Y.B. Encik Wong King Wei: Anyone, it is a common knowledge.

Tuan Speaker: No. What is your basis?

Y.B. Encik Wong King Wei: Common sense, Tuan Speaker. Are you saying that RM300 per acres is the market rate? Common sense is way over this.

Tuan Speaker: Whatever the amount is what is your basis when you say it is a market price?

Y.B. Encik Wong King Wei: Common sense. Common sense. Common knowledge. The valuer. Can ask any of the valuer to value that.

Tuan Speaker: Proceed.

Timbalan Ketua Menteri, Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli II (Y.B. Datuk Amar Haji Awang Tengah Bin Ali Hasan): Tuan Speaker, that was the rate fixed earlier.

This is to encourage investors to come in to develop the area especially in the remote area. I agree the rate is quite low. I think it is high time for us to review this premium rate. But we should be very thankful to this particular company. You know, 1000 hectares out of 2540 hectares is to be handed over to the Penan-Murum Charitable Trust. This is to be developed and you know how much is the cost of the development, it is very substantial. We should be very thankful and not just to condemn. *Kalau nak condemn pun, kondemlah di tempat yang sepatutnya. Kalau ini, you know the developer have to spend I think million of ringgit to develop. Kalau nak condemn, condemlah tapi mesti ada asas..*

Tuan Speaker: Is there any investor? Is there any investor who is worth his salt, enters into investment in order to lose money? Is there? So? Proceed.

Timbalan Ketua Menteri, Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli II (Y.B. Datuk Amar Haji Awang Tengah Bin Ali Hasan): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Padungan, saya rasa dia perlu melihatlah keadaan apa yang berlaku di kawasan itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Lambir, Kerajaan telah meluluskan penempatan penduduk di kawasan Lusut secara *in-situ* berdasarkan pelan susunatur yang telah diluluskan. Kerja pengukuran bagi lot-lot kediaman berdasarkan pelan susunatur tersebut sedang giat dijalankan dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2018. Setakat ini, daripada 2,632 lot kediaman yang diwujudkan, sejumlah 1,240 lot telah siap diukur.

Sebarang pembinaan rumah yang tidak mendapat kelulusan dan tidak termasuk di dalam kelulusan *in-situ* akan menjejaskan pelaksanaan pelan susunatur tersebut. Oleh yang demikian, Jabatan Tanah dan Survei akan mengambil tindakan penguatkuasaan bagi memastikan perancangan Kerajaan di kawasan ini dapat dilaksanakan dengan lancar. Notis Pengosongan Tanah Kerajaan hanya dikeluarkan kepada mereka yang membina struktur baharu sahaja dan ianya akan disusuli dengan tindakan penguatkuasaan. Tindakan ini adalah selaras dengan keputusan Kerajaan untuk penyelesaian secara *in-situ* di kawasan Lusut dan Pelan Tindakan Penyelesaian Dan Pengurusan Setinggalan Negeri.

Dasar Perhutanan Sarawak

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri komited untuk menguruskan hutan secara lestari dan memastikan sektor perhutanan terus menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Bagi tujuan tersebut, Kementerian saya bersama-sama dengan agensi perhutanan seperti Jabatan Hutan Sarawak, *Sarawak Forestry Corporation*, *STIDC* dan *Harwood Timber Sdn. Bhd.* sedang dalam proses mengkaji semula dasar-dasar berkaitan perhutanan dan industri pembalakan bagi memastikan dasar-dasar tersebut mengambil kira perkembangan semasa serta dapat memberi faedah yang lebih optimum kepada Negeri Sarawak.

Antara dasar dan perkara yang sedang dikaji semula ialah Dasar Perhutanan Negeri, Persijilan Pengurusan Hutan, Pembangunan Ladang Hutan, Hasil Hutan, Pelan Pembangunan Industri Perkayuan, bekalan bahan mentah bagi industri perkayuan dan penetapan cess bagi produk hiliran.

Digital Forest Management

Tuan Speaker, on the development and adoption of advanced digital technologies for forest management, our forestry agencies have indeed made significant progress. The existing REVLOG system for revenue collection and tracking of log movement has been upgraded with additional capacities for enhancement along the chain of custody. To

strengthen the management of our forest resources, the Government will be utilizing the latest digital technologies which will enable us to carry out the following activities:

- i. Detailed Stand Diagnostics wherein we would be able to analyse the composition of our forests in terms of species and biomass;
- ii. 3D Laser Mapping for capturing structural dimension for forest stand;
- iii. Big Data (Geospatial) Analytics for Forest Stand Evaluation; and
- iv. Automated assessment of degraded landscape.

State Land Use Policy

Tuan Speaker, bagi sektor perhutanan, Kerajaan Negeri telah menyasarkan enam (6) juta hektar kawasan diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal (PFEs). Sehingga Oktober 2017, seluas 4.32 juta hektar telah diwartakan sebagai PFEs iaitu 72 peratus daripada jumlah yang disasarkan. Kerajaan turut menyasarkan 1 juta hektar untuk diwartakan sebagai Kawasan Terlindung Sepenuhnya atau *Totally Protected Areas (TPAs)*. Setakat ini, Kerajaan Negeri telah berjaya mewartakan kawasan seluas 948,034.40 hektar yang meliputi 716,084.40 hektar kawasan darat (*terrestrial*) dan 231,954.00 hektar kawasan perairan (*water bodies*) sebagai TPAs.

Sustainable Forest Management (SFM)

Kerajaan Negeri akan terus komited untuk mengurus sumber hutan secara berkekalan melalui pelaksanaan persijilan pengurusan hutan. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hutan Sarawak sedang bekerjasama dengan *Malaysian Timber Certification Council (MTCC)* untuk memastikan lesen hutan mendapat pensijilan di bawah *Malaysian Timber Certification Scheme (MTCS)*. MTCS ini diiktirafkan oleh *Programme For The Endorsement of Forest Certification (PEFC)*, skim pensijilan antarabangsa yang terbesar.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri juga sedang giat melaksanakan sistem legaliti, *Sarawak Timber Legality Verification System (STLVS)* yang didokumenkan berasaskan *Inter Agency Standard Operation Procedure (SOP) for forestry and timber industry*. Sistem legaliti ini adalah untuk memastikan kesahihan sumber kayu dan produk kayu keluaran Sarawak di pasaran antarabangsa. The STLVS Standard was developed into a formal due diligence system which allows for third party audit verification. This verification covers the whole process of timber harvesting from licensing to manufacturing and trading of logs and timber products.

Heart of Borneo Initiative

Tuan Speaker, melalui inisiatif *Heart of Borneo (HoB)*, Kerajaan telah menjalinkan kerjasama dengan Negara Brunei Darussalam dan Indonesia (Kalimantan) dalam pemeliharaan rentas sempadan (*Transboundary Conservation*) yang meliputi kawasan hutan yang mengunjur dari Batang Ai hingga ke Lawas, Sarawak. Kerajaan komited dalam usaha melestarikan sektor hutan dan telah memutuskan untuk menambah keluasan lebih kurang 600 ribu hektar lagi kawasan HoB hingga ke Tanjung Datu. Pertambahan keluasan ini menjadikan luas keseluruhan kawasan HoB di Sarawak meningkat daripada 2.1 juta hektar kepada 2.7 juta hektar. Kawasan-kawasan yang terlibat antaranya *Kelingkang Range, Bungoh Range, Tanjung Datu National Park, Gunung Apeng National Park, Gunung Pueh National Park, Gunung Gading National Park, Samunsam Wild Life Sanctuary, Kubah National Park, Matang Wildlife Centre, Bako National Park* dan *Bako-Buntal Bird Flyways*. Banyak, terlalu banyak.

Tuan Speaker: An exhaustible list.

Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli II (Y.B. Datuk Amar Haji Awang Tengah Bin Ali Hasan): Habis nafas.

Conservation Effort

Anyway, Tuan Speaker, on biodiversity conservation, the Government will continue to use existing and new platforms to embark on important conservation undertakings. For example, on the *Research for Intensified Management of Bio-Rich Areas of Sarawak (RIMBA SARAWAK)* platform, we have embarked on pioneering work on hornbill conservation which will be carried out in collaboration with the world's foremost authority and experts from Thailand. Apart from undertaking scientific studies, we are also building up our local expertise through Conservation Internship Programme whereby our local scientists collaborate to undertake research projects in forestry with world renowned institutions such as Royal Botanical Garden, Edinburgh UK, Smithsonian Institution, USA and Hornbill Research of Foundation, Thailand.

Operasi Membanteras Pembalakan Haram

Tuan Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri sememangnya amat serius dan terus komited dalam menangani isu pembalakan haram. Maka, Kerajaan Negeri akan terus memperkasakan lagi operasi pencegahan dan penguatkuasaan dengan menggunakan:

- i. Teknologi-teknologi terkini seperti *drone*, *hyperspectral* dan *remote sensing technology* untuk memantau kawasan kerap bermasalah (*hotspot*) bagi memastikan pengesanan awal dapat dilakukan.
- ii. Menjalankan operasi secara bersama melalui *National Blue Ocean Strategies (NBOS)* di darat dan air melibatkan agensi penguatkuasaan seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Unit Keselamatan dan Penguatkuasaan Negeri (UKPN), SFCSB, STIDC dan Harwood Timber Sdn. Bhd.
- iii. Jabatan Hutan Sarawak turut mengadakan operasi pemantauan dan penguatkuasaan di seluruh Negeri dengan melakukan pemeriksaan di kawasan tebingan, *logpond*, *Collection and Distribution Centre (CDC)*, kilang pemprosesan kayu dan di *export point*.
- iv. Kerajaan Negeri juga telah menyediakan pelbagai platform bagi mengumpul maklumat dan mengurus aduan awam termasuk berkaitan dengan aktiviti pembalakan haram. Antaranya ialah perkhidmatan secara *online TALIKHIDMAT* dan melalui talian telefon HOTLINE 1-800-88-777.

Penguatkuasaan Perhutanan telah diperkasakan lagi dengan pengwujudan 48 buah Pusat Pematuhan Setempat (OSCCs) di dalam atau berhampiran kawasan pembalakan. Ini bertujuan untuk memastikan semua pelesen mematuhi peraturan-peraturan perhutanan yang telah ditetapkan.

Pembangunan Ladang Hutan

Kerajaan juga mengambil langkah yang proaktif bagi memastikan bekalan kayu mencukupi untuk menampung keperluan industri tempatan serta mengurangkan kebergantungan kepada hutan asli. Oleh itu, antara langkah ini ialah dengan menekankan pembangunan ladang hutan (Industrial Forest). Dana berjumlah RM15 juta telah diperuntukkan untuk program Research and Development (R&D) yang bertujuan untuk mengenal pasti dan menghasilkan pokok-pokok yang cepat matang, tumbuh dengan sihat, tahan penyakit serta sesuai dengan persekitaran setempat.

Di samping itu, Kerajaan melalui Yayasan Sarawak turut menyediakan pinjaman dan biasiswa pendidikan kepada anak-anak Sarawak untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang perhutanan.

Prestasi Industri Perkayuan

Tuan Speaker, sehingga suku ketiga tahun 2017, jumlah nilai eksport produk kayu Sarawak telah mencecah RM4.61 bilion. Hampir 90 peratus atau RM4.13 bilion daripada jumlah tersebut disumbangkan oleh empat (4) produk utama iaitu papan lapis bernilai RM2.47 bilion, balak bernilai RM936 juta, kayu bergergaji bernilai RM595 juta dan venir bernilai RM135 juta.

Lima (5) pasaran utama bagi produk perkayuan Sarawak terdiri daripada Jepun, India, Korea, negara-negara Timur Tengah dan Taiwan yang menyumbangkan jumlah nilai eksport sebanyak RM3.76 bilion.

Jika dibandingkan dengan tempoh yang sama dalam tahun 2016, nilai eksport produk kayu Sarawak telah meningkat sebanyak 4.7 peratus iaitu dari RM4.41 bilion kepada RM4.61 bilion. Peningkatan ini disumbangkan oleh pertumbuhan nilai eksport bagi papan lapis dan kayu bergergaji. Nilai eksport papan lapis telah meningkat sebanyak RM368 juta dari RM2.14 bilion kepada RM2.47 bilion sementara nilai eksport kayu bergergaji telah bertambah sebanyak RM42 juta dari RM553 juta kepada RM595 juta dalam tahun 2017.

For the information of this august House and in addressing the specific issues raised by Ahli Yang Berhormat for Tanjung Batu, the State Government, through Sarawak Timber Industry Development Corporation (STIDC), has developed and implemented a long term Strategic Plan or the Timber Industry Transformation Plan (2015-2030). The plan is to transform the current timber industry structure from heavily dependent on primary and secondary-based industry to tertiary industry focusing on the development of the furniture and value added industry. Among the on-going activities to realize the plan are the setting up of timber trading centre as a platform to distribute raw materials required by the SMEs and furniture manufacturers, the Anchor Program, the setting up of furniture testing lab in Kota Samarahan and the establishment of a pool of young furniture designers program as well as the proposal to establish furniture villages. These efforts are being implemented in collaboration with the timber industry players and other agencies and research institutions.

Currently, a number of major timber operators such as Samling Group of Companies, RH Group of Companies, Ta Ann Group of Companies and Shin Yang Group of Companies are already involved in the manufacturing of furniture. In addition, the State Government has increased the log quota from 70 percent to 80 percent of the log production to supplement the needs for sufficient supply of raw materials of the downstream industry.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Lingga ... *(Interruption)*...

Y.B. Encik Chiew Chiu Sing: Thank you very much Tuan Speaker. I am so glad to hear about the plan that Government have in developing the downstream industries. But that we

have heard for a long time, do you have any specific plan on when actually this things are going to materialize and a special target date on what kind of products, more detailed plan like that. We have heard about this one, ya, it is good that we have that but whether you have the detailed plans, ya? If not, it can be supplied in written form also. Thank you.

Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli II (Y.B. Datuk Amar Haji Awang Tengah Bin Ali Hasan): Thank you, Yang Berhormat bagi Tanjung Batu. The strategic plan is to cover from 2015 until 2030. We have made some progress especially to enhance further the furniture industry in the State. The Government has already decided to increase the log quota for downstream activities. From 70 percent to 80 percent of the log production. This is for timber downstream industries. Number two as I mentioned here we are collaborating with all the agencies and other institutions such as UNIMAS to develop young designers on furniture. This has been done and we will continue to do so. Well it takes time, you know. You have to do it step by step. At least the framework has already been emplaced. So it has to be done step by step. You cannot reach the top of the hill just like that, you have to go step by step. Do you agree with that? Yes. Where am I now?

Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Lingga, Kerajaan telah meluluskan sejumlah RM2.5 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 untuk pembangunan prasarana yang merangkumi pembekalan kuasa elektrik, pembekalan air bersih dan mewujudkan sistem komunikasi tanpa wayar di Taman Negara Maludam. Tertakluk kepada kelulusan peruntukan, Jabatan Hutan Sarawak akan membina *plankwalk* sepanjang 1.6 km di sekitar kawasan Taman Negara Maludam untuk tujuan aktiviti pelancongan dan penyelidikan.

Tuan Speaker, saya menyambut baik cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Tanjung Datu untuk memperhebatkan lagi promosi waktu kemekaran Bunga Rafflesia kepada orang awam dan para pelancong. Betulkah sebutan tu? "Kemakaran", "kemekaran". Dalam hal ini, pihak SFC akan mempromosikan fenomena ini menerusi laman web SFC dan mewujudkan laman web khas untuk Taman Negara Gunung Gading. SFC juga akan meningkatkan promosi melalui media sosial, media cetak dan elektronik dan melalui Renjer Hidupan Liar Kehormat dengan mengadakan program *Communication, Education and Public Awareness* (CEPA). Promosi juga akan dilaksanakan oleh Sarawak Tourism Board (STB), Sarawak Convention Bureau (SCB) dan agensi-agensinya pelancongan lain.

Pihak SFC telah menaik taraf kemudahan-kemudahan di Taman Negara Gunung Gading dan Taman Negara Tanjung Datu. Sebagai contoh, pembekalan kuasa elektrik melalui sistem solar yang baru telah beroperasi hasil daripada Program CSR Sarawak Energy Berhad. Kita mempunyai perancangan untuk meneruskan penaiktarafan di kedua-dua Taman Negara tersebut melalui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 untuk pertimbangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Katibas, pada masa ini *Lanjak Entimau Wild Life Sanctuary* (LEWS) hanya dibuka kepada para saintis dan penyelidik untuk melaksanakan kerja-kerja penyelidikan dan pembelajaran sahaja.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah pun meluluskan untuk menukar status sebahagian daripada kawasan *Lanjak Entimau Wild Life Sanctuary* untuk dijadikan sebagai Taman Negara bagi membolehkannya dilawati oleh orang ramai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Pelawan, saya telah pun meminta pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk membuat penyiasatan berhubung dengan pelepasan barang rampasan di Kelawit, Bintulu. Disebabkan isu ini masih lagi dalam siasatan oleh pihak SPRM dan Unit Keselamatan dan Penguatkuasaan

Negeri (UKPN), maka saya tidak perlu menghuraikannya dengan lebih lanjut. Namun demikian, Kementerian saya serta agensi-agensi yang berkaitan akan memberikan kerjasama sepenuhnya bagi memastikan siasatan dilakukan dengan adil dan menyeluruh.

Berhubung dengan hasil pungutan cukai, hasil balak yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Batu Lintang, yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II dan dengan ini saya tidak berhajat untuk menyentuhnya lagi. Ya? Okay.

Y.B. Encik David Wong Kee Woan: Myself first. Thank you Tuan Speaker, thank you Minister. I think the integrity of the Government is at stake when the Minister, there are three Ministers saying different things. In my speech I say, it was reported on the front page of Borneo Post more than 3,500 logs, 14 units of machinery has been released. According to the Director of Forestry, saying that decision were made by a committee; committee, I don't know what committee is that and according to the Borneo Post report itself by the Deputy Chief Minister your goodself saying that you don't know what committee that is. This is very serious. How can there's a committee within the Forestry Department which the Minister in-charge doesn't know?

Tuan Speaker: The Honorable Member.

Y.B. Encik David Wong Kee Woan: I'm talking about the Minister. I'm talking about...*(Interruption)*

Tuan Speaker: The Minister addressed this, by saying the matter had been given to MACC, now he had replied that.

Y.B. Encik David Wong Kee Woan: I'm not talking about the MACC. I'm asking the Minister how can he didn't know that there is a Ministry, nothing to do with the case of MACC.

Tuan Speaker: You are opening, ya, you are opening up.

Y.B. Encik David Wong Kee Woan: I'm talking about the function of the Minister if he doesn't know what committee within the department which he controls, it is very dangerous. I'm not talking about the MACC case. I'm talking about how the Minister doesn't know the department that he runs has a committee. I'm not talking about MACC case. It is a totally different matter.

Tuan Speaker: What is the statement like?

Y.B. Encik David Wong Kee Woan: Pardon me?

Tuan Speaker: What is the statement, in what context?

Y.B. Encik David Wong Kee Woan: In context, because according to the Forestry, the Director of Forestry...*(Interruption)*

Tuan Speaker: No, the exact word by the Minister that he doesn't know. What is it?

Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli II (Y.B. Datuk Amar Haji Awang Tengah Bin Ali Hasan): Nevermind Yang...*(Interruption)*

Y.B. Encik David Wong Kee Woan: Ok, I myself don't know which committee the Forest Department mentioned. That's according to the report, but it is different from the committee which is chaired by me. This is very serious. I think Director of Forestry has to be

answerable to this. What committee and I think two weeks has past, you should be able to give the Dewan the answer what committee is that. This is very serious. We are talking about the integrity of the Government.

Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli II (Y.B. Datuk Amar Haji Awang Tengah Bin Ali Hasan): Tuan Speaker, as I mentioned here, let the agencies involve continue with their investigation. Let them carry out their investigation. Ya, let them, let them do the investigation. Ok, alright? Yes, Batu Lintang.

Y.B. Encik See Chee How: Thank you Tuan Speaker, thank you the Honorable Minister. The question is on this drop of the royalty the Second Honorable Second Finance Minister has answer part of it. The answer given this morning was that it has to do with the drop in the production of our timber, but there is a drop in the collection in the actual collection is 34.5% lower than what was estimated and if we compare to last years figure there's a drop in 30% in the royalty collection. If I hear the Honorable Minister rightly just now, I think we have an increase in our revenue from timber, probably, the export market.

Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli II (Y.B. Datuk Amar Haji Awang Tengah Bin Ali Hasan): Export, don't be confused with the export value and royalty collection.

Y.B. Encik See Chee How: Maybe the Honorable Minister can enlighten us whether there is really such a big drop in the production of our timber this year compare to last year and I wanted to know what is the relation in this with, is there any relation with the illegal logging, that there is a drop in our collection in royalty. Thank you Tuan Speaker.

Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli II (Y.B. Datuk Amar Haji Awang Tengah Bin Ali Hasan): Thank you. Let me see whether I have this information with regards to production of logs. In 2016, 7.41 million cubic metres. In 2017 from January to September, it drop to 4.2 million cubic metres. Slight drop in the log production will certainly affect the royalty collection to the State.

Kualiti Alam Sekitar

Tuan Speaker, dalam melaksanakan pembangunan ekonomi, Kerajaan Negeri sentiasa menitik beratkan keseimbangan aspek perlindungan alam sekitar dan kemampuan ekosistem. Bagi menangani impak pembangunan terhadap alam sekitar, beberapa inisiatif strategik telah dilaksanakan. Pada 9 Ogos 2016, pihak Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) telah memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan pemaju-pemaju perladangan dan pemilik tanah komersial bagi pelaksanaan *Standard Operating Procedure (SOP)* untuk Pencegahan dan Pemandaman Kebakaran Tanah Gambut di Kuala Baram. Sejak SOP ini dilaksanakan, kekerapan insiden kebakaran tanah gambut di Kuala Baram telah banyak berkurangan. SOP ini akan diperluaskan ke bahagian-bahagian lain di negeri Sarawak.

Bagi memantapkan lagi keupayaan Kerajaan dalam memantau dan menangani kes jerebu, terutamanya jerebu rentas sempadan, Kerajaan melalui NREB akan membina dua (2) buah lagi Stesen Pemantauan Kualiti Udara (AQMS – *Air Quality Monitoring Station*) yang baru di Lundu dan Bario pada tahun 2018 dan 2019. Selain itu, tiga (3) buah AQMS yang sedia ada akan dinaik taraf supaya dapat memberi bacaan *Particulate Matter (PM) 2.5* mikron selain dari bacaan PM10 mikron yang sedia ada. Di samping itu, Jabatan Alam Sekitar telah membina dua (2) buah stesen AQMS yang baru di Samalaju dan Mukah dan menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak 12 di dalam kawasan bandar di seluruh Negeri Sarawak.

Pada 9 November 2017 yang lepas, pihak NREB juga telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan pihak *Sarawak Timber Association (STA)* bagi pelaksanaan Projek Perintis Audit Alam Sekitar bersama lapan (8) syarikat perkayuan di negeri Sarawak. Audit alam sekitar ini bertujuan untuk meningkatkan pematuhan sendiri (*self-regulation*) dalam semua sektor pembangunan di negeri ini, di samping memenuhi kriteria dan indikator persijilan Malaysia untuk pengurusan hutan secara lestari serta pasaran produk antarabangsa. Pelaksanaan sistem audit ini akan bermula sepenuhnya pada tahun 2019.

